



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK CHAN FOONG HIN
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR KEBANGSAAN AMALAN PERTANIAN BAIK
SUBSEKTOR TANAMAN MALAYSIA TAHUN 2026**

**10 FEBRUARI 2026 | SELASA
BANGI AVENUE CONVENTION CENTER, SELANGOR**

1. Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana kita semua dapat bersama-sama berkumpul pada malam ini dalam Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Amalan Pertanian Baik Subsektor Tanaman Malaysia Tahun 2026, sebuah platform yang amat penting dalam memperkukuh ekosistem subsektor tanaman agromakanan negara.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Pertanian atas jemputan dan syabas atas penganjuran seminar ini. Kehadiran saya pada malam ini adalah tanda sokongan berterusan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terhadap warga Jabatan Pertanian dan para penggiat sektor tanaman, yang merupakan barisan hadapan dalam memastikan keterjaminan dan keselamatan makanan negara.

Saudara dan saudara sekalian,

3. Apabila kita membicarakan soal kedaulatan makanan, ia bukan sekadar berkisar tentang angka, statistik atau peratusan di atas kertas. Ia merangkumi keterjaminan bekalan, keselamatan dan kualiti makanan, serta kelestarian sumber demi generasi akan

datang. Yang paling utama, kedaulatan makanan bertunjangkan kepada para petani dan pengusaha tani yang merupakan nadi dan wira sebenar dalam menghasilkan makanan yang mencukupi, selamat dan berkualiti. Justeru, KPKM kekal komited untuk memastikan sektor agromakanan negara terus berkembang secara mampan, inklusif dan berdaya saing.

4. Tahun 2026 merupakan tahun yang signifikan bagi KPKM kerana ia menandakan permulaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Selaras dengan tema Ucapan Amanat Tahun Baharu 2026 oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu “Memperkukuh Kedaulatan Makanan, Membina Daya Tahan Negara”, tumpuan kita bukan sekadar meningkatkan pengeluaran, tetapi lebih holistik dengan memastikan keselamatan makanan, kualiti hasil dan kelestarian alam sekitar diterapkan secara menyeluruh dalam keseluruhan rantai nilai agromakanan.
5. Bagi memperkukuh pelaksanaan Amalan Pertanian Baik di bawah RMK-13, KPKM melalui Jabatan Pertanian telah meluluskan Projek Pembangunan Pemberdayaan Makanan

Selamat Melalui Amalan Baik Subsektor Tanaman dengan peruntukan berjumlah RM17.52 juta. Projek ini memberi tumpuan kepada pembiayaan bersasar kepada pemegang sijil amalan pertanian baik, naik taraf fasiliti ladang, penerapan teknologi hijau, akreditasi ISO serta pelaksanaan latihan dan penyebaran teknologi secara menyeluruh bertujuan memperkukuh daya saing subsektor tanaman negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

6. Amalan pertanian baik bukan lagi pilihan, sebaliknya suatu keperluan strategik. Pelaksanaan melalui pensijilan myGAP dan myOrganic telah lama menjadi teras program pengembangan Jabatan Pertanian dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk selari dengan ASEAN GAP. Ini membuktikan bahawa amalan pertanian baik merupakan standard global yang mesti dipatuhi sekiranya kita ingin produk pertanian negara kekal kompetitif.
7. Saya dimaklumkan bahawa bilangan ladang baharu yang memperoleh pensijilan myGAP dan myOrganic menunjukkan peningkatan setiap tahun. Namun demikian, secara

keseluruhannya, jumlah ladang yang mempunyai pensijilan tersebut masih rendah berbanding jumlah keseluruhan petani di negara ini. Saya amat memahami bahawa usaha untuk memperoleh pensijilan ini bukanlah mudah. Ia menuntut komitmen berterusan, pematuhan kepada setiap elemen standard serta pengurusan rekod ladang yang sistematik dan teliti.

8. Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan bahawa pensijilan amalan pertanian baik tidak seharusnya dilihat sebagai pelaburan strategik. Pensijilan ini, termasuk penggunaan logo myGAP dan myOrganic, mampu meningkatkan keyakinan pengguna, memperkukuh penjenamaan produk dan membuka akses kepada pasaran premium yang lebih bernilai tinggi.
9. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah berjaya memperoleh serta mengekalkan pensijilan amalan pertanian baik. Usaha ini adalah sumbangan signifikan kepada agenda keselamatan makanan dan kemampanan pertanian negara.

10. Pada masa yang sama, saya menyeru Jabatan Pertanian agar terus memperkukuh peranan pengembangan di lapangan, mempermudah proses pematuhan melalui pendigitalan rekod ladang, serta memastikan sistem pemantauan dan audit dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan mesra pengguna. Pendekatan ini penting bagi mempercepatkan kadar pematuhan amalan pertanian baik di peringkat nasional.
11. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pertanian kerana berjaya mengekalkan penarafan pensijilan MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian, yang merupakan langkah penting dalam memastikan pematuhan amalan pertanian baik dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

12. Akhir kata, saya yakin seminar ini menjadi platform strategik kepada Jabatan Pertanian untuk menyampaikan dasar, berkongsi amalan terbaik serta membuka ruang kerjasama antara kerajaan, industri dan pengusaha tani dalam

memperkukuh pelaksanaan amalan pertanian baik secara berimpak tinggi.

13. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dan sijil penghargaan pada hari ini. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen dan keunggulan tuan-tuan dan puan-puan dalam memartabatkan agenda keterjaminan makanan negara.

14. Dengan segala hormatnya, saya merasmikan Seminar Kebangsaan Amalan Pertanian Baik Subsektor Tanaman Malaysia Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.